

25/01/2003

Dunia dalam ketakutan (HL)

Mior Kamarul Shahid

DAVOS (Switzerland): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengandaikan dunia hari ini berada di tengah-tengah kancah peperangan dunia ketiga, bukan lagi sekadar perang ke atas pegganas atau pakatan antipeganas.

Menyifatkan perkembangan itu sebagai 'peperangan antara paksi kejahatan melawan syaitan', Perdana Menteri berkata, masing-masing pihak menganggap mereka berada pada pihak yang benar serta berperang menentang kejahatan.

"Ia akan menjadi satu peperangan panjang berpunca daripada sifat kebencian, marah dan keperitan hidup yang menguasai jiwa. Masing-masing mahu membalas dendam. Kedua-dua pihak mahu bertindak balas.

"Kamu membunuh orang kami, kami bunuh orang kamu dan sebaliknya. Ia berlaku terus-menerus. Kedua-dua pihak tidak lagi berfikiran waras," katanya tanpa berselindung mengenai keadaan dunia hari ini ketika bercakap pada sesi pleno 'Amanah dan Tataurus Untuk Era Baru' pada hari pertama Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33 di sini, petang semalam.

Ucapannya itu mendapat tepukan gemuruh peserta, manakala pemerhati menyifatkan Dr Mahathir menyampaikan mesej baru kepada dunia bahawa kekalutan yang melanda dunia hari ini akan membawa padah terutama apabila Amerika Syarikat dan sekutunya bertindak terhadap Iraq.

Sesi itu turut dihadiri Pengarah Eksekutif Pemerhati Hak Asasi Manusia Amerika Syarikat, Kenneth Roth; Senator Utah, Orrin G Hatch dan Ketua Pegawai Eksekutif DuPont, Amerika Syarikat, Charles O Holiday sebagai ahli panel.

Perdana Menteri menegaskan, manusia hari ini mengacabilaukan dunia. Pengalaman dua alaf lalu dan ilmu yang menggunung tidak menjadikan manusia mampu menguruskan hal ehwal manusia berbanding keadaan pada zaman batu.

"Hari ini kita hidup dalam kebimbangan. Kita bimbang kepada pegganas, manakala pegganas, pengikut mereka atau mereka yang didakwa sebagai penyokong, bimbang terhadap kita (pemerintah).

"Kita bimbang menaiki pesawat, mengembara ke sesetengah negara, ke kelab malam, surat, bungkusan dan kontena kargo. Kita bimbang kepada serbuk putih (antrak), kasut, orang Islam, pen pisau, bahan logam dapur dan sebagainya.

"Pada pihak yang lain, mereka bimbang kepada hukuman, kebuluran dan kekurangan ubat. Mereka juga bimbang kepada pencerobohan tentera, dibom atau diroket, ditawan dan ditangkap," katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka yang berkecuali atau tidak terbabit dalam pertelingkahan itu turut dihantui kebimbangan serta seolah-olah menjadi bahan cagaran.

Katanya, rakyat Afghan dan orang awam Iraq serta penumpang dalam pesawat yang dirampas dan mereka mundar-mandir di Pusat Dagangan Dunia menjadi cagaran.

Akibat ketakutan itu, dunia mengambil pelbagai langkah untuk mempertahankan diri dengan kos yang amat besar.

Namun, kesan utama bukan soal keselamatan atau bebas daripada serangan pegganas tetapi ia mengganggu kehidupan, mempengaruhi pelaburan dan perniagaan dan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia.

"Dunia sudah menjadi kian kecil. Ia dikatakan sebagai sebuah kampung. Malangnya kita tidak tidak berjaya mengurus dunia walaupun saiznya dikatakan kecil.

"Pada zaman batu, orang yang mempunyai belantan terbesar menjadi ketua, di dalam perkampungan global yang moden dan canggih, negara yang mempunyai

kuasa membunuh akan mentadbir," katanya.

Menjawab soalan mengenai erti peperangan yang dimaksudkannya, Dr Mahathir menjelaskan, Presiden George W Bush sendiri pernah berkata, negaranya berada dalam suasana perang selepas peristiwa 11 September 2001.

"Kami percaya dengan keadaan itu. Kami pernah menaruh kepercayaan penuh kepada Amerika Syarikat (AS) kerana turut bertanggungjawab membebaskan Malaysia daripada pendudukan Jepun (selepas Hiroshima dan Nagasaki di Jepun musnah akibat ledakan bom atom Amerika).

"Tetapi kepercayaan itu kini berada di tahap paling rendah," katanya sambil menegaskan beliau tidak suka bercakap perkara yang baik saja, tetapi bercakap apa yang dirasakan benar tanpa berselindung.

Ahli Kongres dari Parti Republikan, Robert Portman dari Ohio, pada sesi balasnya memuji kenyataan Dr Mahathir yang disifatkan sebagai 'begitu bertenaga dan membangakan'. WEF ke-33 selama enam hari kali ini turut dihadiri Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell dan Peguam Negara, John Ashcroft.

Dr Mahathir berkata, dalam keadaan hari ini di mana yang kaya tidak lagi makmur, sementara yang miskin terus miskin, dunia tidak diurus dengan baik.

"Kita tidak mengurus kampung global dengan baik. Tidak ada keyakinan, amanah dan tataurus yang baik. Bagaimana kita boleh membina amanah dan tataurus yang baik pada era ini?.

"Saya tidak fikir ia boleh dilakukan dengan mengalahkan musuh dan memaksa mereka menyerah. Tindakan terhadap paksi kejahatan tidak akan berjaya kerana sasarannya adalah salah," katanya.

Perdana Menteri bimbang jika mereka yang dianggap paksi kejahatan itu dikalahkan, akan wujud pula sikap membalas dendam serta tindak balas.

Dr Mahathir yakin cara penyelesaian hanyalah melalui kompromi dan membina kepercayaan di samping memulakan daya usaha untuk mewujudkan keamanan dunia.

"Mereka harus tahu yang orang tidak mengikat bom di badan atau meletupkan kapal terbang hanya kerana suka-suka. Mereka sudah tentu mempunyai alasan berbuat demikian. Kita harus tahu alasan itu. Tindakan ganas terhadap penganas tidak akan berjaya," katanya.